

## Syarat penyertaan.

1. Terbuka kepada semua warganegara Malaysia.
2. Tema pertandingan adalah
  - a. Panorama  
Gambar-gambar yang memaparkan keindahan alam semulajadi, landskap, binaan dan bangunan di sekitar Jempol
  - b. Pelancongan  
Gambar-gambar yang memaparkan lokasi pelancongan yang terdapat di dalam daerah Jempol
  - c. Gaya Hidup / Lifestyle  
Gambar bercirikan peristiwa atau momen berkaitan dengan acara, sukan, manusia dan gaya hidup masyarakat setempat.
3. Gambar mestilah tidak melibatkan isu-isu sensitif, termasuk keagamaan, perkauman dan politik
4. Seorang peserta hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan sahaja dan gambar yang dihantar hendaklah diambil di sekitar Daerah Jempol sahaja.
5. Imej mestilah bersaiz minimum 5megapixel, dalam format JPEG, sekurang-kurangnya 300dpi
6. Apa jua tuntutan pihak ketiga berkaitan pelanggaran hak cipta atau kepentingan individu di dalam gambar selepas ini adalah tanggungjawab sepenuhnya oleh peserta.
7. Semua gambar yang menyertai pertandingan ini akan menjadi hak milik mutlak Majlis Perbandaran Jempol dan pihak kami berhak menggunakan gambar-gambar ini bagi sebarang tujuan.
8. Pihak penganjur berhak menolak penyertaan atau menarik balik hadiah yang diberikan sekiranya gambar yang dihantar adalah tiruan atau diperolehi dari sumber internet atau melanggar hak cipta terpelihara.
9. Penyertaan adalah terbatal serta-merta jika gambar yang dihantar pernah memenangi mana-mana pertandingan fotografi.
10. Suntingan gambar minima sahaja yang dibenarkan (kecerahan,cropping, tone dan straightening). Sebarang suntingan tambahan adalah tidak dibenarkan (manupulasi, pencahayaan tiruan, kesan khas dan sebagainya)

11. Penilaian gambar adalah seperti berikut:
  - a) 50% akan dinilai oleh jurugambar professional yang akan dilantik oleh Majlis Perbandaran Jempol.
  - b) 50% tanda "Like" terbanyak di laman Facebook Majlis Perbandaran Jempol.
12. Keputusan penjurian bagi pertandingan ini adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.
13. Setiap penyertaan bagi pertandingan ini mestilah di sertakan dengan satu (1) Salinan Hardcopy bersaiz A4 yang dicetak dimana-mana kedai gambar dan satu (1) Salinan softcopy dalam bentuk cd atau dvd.
14. Yuran penyertaan adalah sebanyak RM10.00 tunai sahaja.
15. Borang penyertaan yang lengkap , gambar beserta bayaran hendaklah dihantar kepada urusetia pertandingan sebelum atau pada **17 Febuari 2020** jam 4.30 petang.
16. Borang penyertaan boleh dimuat turun di Portal Rasmi Majlis Perbandaran Jempol dan Facebook rasmi Majlis Perbandaran Jempol .

Gambar dan Borang Penyertaan hendaklah dihantar ke alamat berikut:-

**URUSETIA PERTANDINGAN FOTO@MPJEMPOL  
MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL,  
72120 BANDAR SERI JEMPOL,  
NEGERI SEMBILAN.**



## *PERTANDINGAN FOTO@MPJEMPOL*

### **BORANG PENYERTAAN**

**Nama Penuh:** .....

**No. Kad Pengenalan:** .....

**Alamat:** .....

.....

.....

**Email:** .....      **No. Telefon:** .....

#### **PERAKUAN PESERTA**

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa idea dan hasil karya foto/gambar yang saya sertakan dalam pertandingan ini adalah karya asli dan merupakan hasil usaha saya sendiri dan tidak diambil daripada mana-mana sumber pihak lain. Saya juga bertanggungjawab sepenuhnya jika terdapat sebarang tuntutan atau apa jua bentuk tindakan dari mana-mana pihak terhadap saya berkaitan karya saya. Saya juga bersetuju bahawa hasil karya foto yang dipertandingkan adalah Hak Milik Majlis Perbandaran Jempol dan akan digunakan untuk sebarang aktiviti dan penerbitan Jabatan. Sebarang tuntutan ke atas hasil karya foto yang dipertandingkan tidak akan dilayan.

Tandatangan: .....

Tarikh : .....



No. Pendaftaran
-----------------

**PERTANDINGAN FOTO@MPJEMPOL**  
**BORANG PENGESAHAN / KEBENARAN**

**Nama Penuh:** .....

**No. Kad Pengenalan:** .....

**Alamat:** .....

.....

.....

**Email:** .....      **No. Telefon:** .....

**Pengesahan Kebenaran Untuk Menggunakan Karya Hak Cipta**

Dengan ini saya mengesahkan :

1. Bahawa saya adalah pencipta sah/pemilik hak cipta membenarkan hasil kerja ini memberi hak mutlak dan izin kepada Majlis Perbandaran Jempol untuk menggunakan semula, menerbit atau menerbitkan semula foto yang saya sertai untuk pertandingan ini.
2. Saya mengesahkan dan memberi kebenaran sepenuhnya kepada pihak Majlis Perbandaran Jempol. Dengan ini saya memberi jaminan dan mengesahkan bahawa saya tidak akan membuat sebarang tuntutan terhadap sebarang penggunaan karya saya dalam pertandingan ini.
3. Bahawa dengan ini, saya faham dan bersetuju dengan semua syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan ini.

Tandatangan: .....

Nama penuh: .....

No.K/P: .....

Tarikh: .....

**MAKLUMAT YANG WAJIB DILEKATKAN DI BAHAGIAN  
BELAKANG PENJURU ATAS KANAN SETIAP GAMBAR**

NAMA :

NO TEL :

LOKASI GAMBAR :

TARIKH DI AMBIL :